

U B139 AAB

MAHATHIR - SENJATA

(1)

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA SELATAN MENGHENTIKAN PERLUMBAAN SENJATA SECARA KECIL-KECILAN DI KALANGAN MEREKA SENDIRI.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK KEDUA SELATAN-SELATAN DI SINI BELIAU BERKATA BAHAWA NEGARA-NEGARA SELATAN SELALU BERCAKAP MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA; IAITU YANG MEMBABITKAN KUASA-KUASA BESAR.

BAGAIMANAPUN REKOD DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN SENDIRI LEBIH KURANG SAMA JUGA KEADAANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA 1964, DUNIA KETIGA MEMBELI SENJATA BERNILAI AS\$1,400 JUTA DARI NEGARA-NEGARA MAJU DAN MENJELANG 1984 ANGKA ITU MENINGKAT MENJADI AS\$29,400 JUTA.

+BUKANKAH KINI TIBA MASANYA UNTUK KITA BERCAKAP MENGENAI HAD PERSENJATAAN DI KALANGAN KITA SENDIRI?+ KATANYA.

TIDAK ADA SESIAPA YANG MENAFIKAN PERLUNYA KEMAMPUAN SESEBUAH NEGARA UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRINYA TETAPI +PERLUKAH KITA MENGADAKAN PERLUMBAAN SENJATA KECIL-KECILAN DENGAN JIRAN-JIRAN KITA.

+DASAR ITU YANG MENGUTAMAKAN SENJATA DARIPADA MAKANAN AKAN MEMUSNAHKAN KITA. KITA MESTI MENGHENTIKAN PERBUATAN KARUT INI YANG SECARA TIDAK LANGSUNG BERMAKNA KITA TIDAK LAGI MEMPERKAYAKAN NEGARA-NEGARA YANG SUDAH KAYA.+ -- LAGI.

1555MST 05 05 86

U B140 AAB

MAHATHIR - SENJATA 2 KUALA LUMPUR

(1)

DATUK SER DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA NEGARA-NEGARA SELATAN HENDAKLAH JUGA MENGAJAI LAPANGAN-LAPANGAN LAIN UNTUK BEKERJASAMA BAGI FAEDAH BERSAMA.

BELIAU MENYEBUT BIDANG KEBUDAYAAN SEBAGAI CONTOH KERANA NEGARA-NEGARA ITU SANGAT PERLU MENGENALI SATU SAMA DENGAN LEBIH DEKAT SEPERTI KATA PERIBAHASA +TAK KENAL MAKA TAK CINTA.+

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA MEDIA BERITA YANG DI LUAR KAWALAN NEGARA-NEGARA ITU JUGA MENIMBULKAN BANYAK MAKLUMAT YANG SALAH.

+MASANYA SUDAH TIBA BAGI AGENSI-AGENSI BERITA DUNIA KETIGA MEMPERERATKAN KERJASAMA MEREKA DAN MEMBEKALKAN BERITA-BERITA BENAR YANG LEBIH BERSIMPATI MENGENAI KITA SENDIRI.+

NEGARA-NEGARA MAJU AKAN MENGATAKAN PEMBERITAAN SEPERTI ITU SEBAGAI PROPAGANDA +TETAPI BUKANKAH PEMBERITAAN MEREKA YANG BERAT SEBELAH ITU JUGA MERUPAKAN PROPAGANDA UTARA?+ -- BERNAMA.

1600MST 05 05 86